PRAKTIS PT3

1 Kerajaan Alam Melayu

NAMA :

KELAS :

Bahagian A

Pilih jawapan yang paling **tepat**.

1. Alam Melayu merangkumi gugusan kepulauan dan tanah besar di bahagian _____.
   A timur benua Asia
   B barat benua Asia
   C tenggara benua Asia
   D selatan benua Eropah

2. Maklumat berikut berkaitan dengan konsep Alam Melayu.

   > Penduduk Alam Melayu mempunyai ikatan keserumpunan.

   Antara berikut, yang manakah aspek keserumpunan tersebut?
   I Agama
   II Bahasa
   III Budaya
   IV Ekonomi
   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

3. Champa merupakan salah satu kerajaan Alam Melayu.
   Apakah pusat kerajaan bagi kerajaan Champa? (TP1)
   A Indrapura
   B Vyadhapura
   C Hariharalaya
   D Kota Trowulan

4. Antara berikut, yang manakah sumbangan Jayavarman VII terhadap kerajaan Angkor? (TP2)
   I Meluaskan empayar
   II Membina Angkor Thom
   III Mengasaskan kerajaan
   IV Membina pelabuhan
   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

5. Mengapakah Patih Gajah Mada dianggap penting kepada kerajaan Majapahit? (TP4)
   A Meluaskan empayar
   B Mengasaskan kerajaan
   C Menyebarkan agama Islam
   D Menguasai laluan perdagangan

6. Apakah kerajaan luar yang pernah menjalinkan hubungan dengan kerajaan Alam Melayu pada abad pertama?
   A Dinasti Tang
   B Kerajaan Chola
   C Empayar Kushan
   D Kerajaan Abbasiyah

7. Apakah peranan Asoka sebagai pemerintah empayar Maurya? (TP2)
   A Mengembalikan keamanan
   B Menakluk empayar Maurya
   C Membina Angkor Thom
   D Menyebarkan agama Buddha

8. Mengapakah kerajaan Champa menghantar utusan ke China pada abad ketiga? (TP4)
   A Mendapatkan pengiktirafan dan memperkukuh hubungan persahabatan
   B Memulihkan hubungan setelah berperang dengan sekutu China, iaitu Dai Viet
   C Memohon bantuan ketenteraan untuk melawan Dai Viet
   D Mengeratkan hubungan perdagangan

9. Apakah kepentingan kerajaan Alam Melayu menjalinkan hubungan dengan kerajaan luar? (TP4)
   A Membantu kemajuan kerajaan Alam Melayu dalam pelbagai kegiatan khususnya ekonomi melalui aktiviti perdagangan
   B Sikap keterbukaan para pemerintah membawa kepada kemerosotan kerajaan Alam Melayu
   C Kerajaan Alam Melayu membangun dan maju setanding dengan kerajaan luar
   D Membantu kerajaan Alam Melayu membina kegemilangan yang agung

10. Para pemerintah kerajaan Alam Melayu bersikap terbuka dalam menjalinkan hubungan dengan kerajaan luar.
    Apakah kesan daripada sikap keterbukaan tersebut? KBAT Menilai
    A Kemakmuran negeri
    B Peningkatan penduduk
    C Penambahan sumber alam
    D Taat setia rakyat

LIVEWORKSHEETS